

# DUIT SYILING MALAYSIA SIRI KETIGA



Ciri-ciri unik yang mencorak budaya dan warisan negara menjadi sumber inspirasi dalam reka bentuk duit syiling Malaysia siri ketiga. Dengan tema 'Keunikan Malaysia', reka bentuk baharu duit syiling ini memaparkan motif-motif seni kraftangan tradisional dan keindahan flora dan fauna negara. Duit syiling ini menyerlahkan identiti kebangsaan Malaysia yang kaya dan pelbagai dengan begitu indah sekali.



## Duit syiling 50 sen **Sulur Kacang**

Motif sulur kacang pada duit syiling 50 sen baharu ini amat terkenal kerana sering digunakan oleh para pengukir dalam seni ukiran kayu dan perak mereka.

## Duit syiling 20 sen **Bunga Melur**

Bunga melur yang mendapat tempat istimewa dalam kebudayaan tiga kaum utama di Malaysia dipaparkan pada duit syiling 20 sen baharu.

## Duit syiling 10 sen **Motif Orang Asli**

Warisan orang asli di Malaysia diabadikan dalam bentuk corak anyaman unik suku kaum Mah Meri pada duit syiling 10 sen baharu.

## Duit syiling 5 sen **Destar Siga**

Destar siga yang merupakan sejenis tenunan kain asli suku kaum Kadazan Dusun di Sabah, menjadi corak pada bahagian hadapan duit syiling 5 sen baharu.

